

SATIRA HAIWAN DALAM *NABATAH* DAN *HOLLOW KINGDOM*: SUATU PERBANDINGAN

(Animal Satire in Nabatah and Hollow Kingdom: A Comparative Analysis)

Noor Hidayatul Aiza Atan¹
s2108402@siswa.um.edu.my

Mohd Taufik Arridzo Mohd Balwi²
taufik@um.edu.my

Norhayati Ab. Rahman³
yati@um.edu.my

Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu,
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. ^{1,2, & 3}

Corresponding author (*Pengarang koresponden*): ¹

To cite this article (*Rujukan makalah ini*): Noor Hidayatul Aiza Atan, Mohd Taufik Arridzo Mohd Balwi, & Norhayati Ab. Rahman. (2023). Satira haiwan dalam *Nabatah* dan *Hollow Kingdom*: Suatu perbandingan. *Malay Literature*, 36(2), 289–312. [https://doi.org/10.37052/ml36\(2\)no6](https://doi.org/10.37052/ml36(2)no6)

| | | | | | | | |
|------------------------------|-----------|----------------------------|-----------|-----------------------------|-----------|--|------------|
| Received: <i>Peroleh:</i> | 31/8/2023 | Revised: <i>Semakan</i> | 3/10/2023 | Accepted: <i>Terima:</i> | 5/10/2023 | Published online: <i>Terbit dalam talian:</i> | 31/10/2023 |
|------------------------------|-----------|----------------------------|-----------|-----------------------------|-----------|--|------------|

Abstrak

Setiap bangsa di dunia memiliki cerita haiwan tersendiri yang diwarisi sejak zaman sastera lisan. Cerita haiwan terbahagi kepada beberapa bentuk, iaitu cerita asal usul kejadian haiwan, cerita didikan dan pengajaran, mitos haiwan serta haiwan sebagai satira atau kiasan. Misalnya, cerita haiwan sebagai satira atau kiasan dihasilkan dengan tujuan untuk mengkritik kelemahan individu atau sesuatu pihak supaya diperbaiki. Namun begitu, kajian lepas yang membandingkan cerita haiwan sebagai satira antara Malaysia dengan Amerika Syarikat didapati kurang dilakukan. Hal ini merupakan satu kelompangan yang perlu diisi memandangkan kajian terhadapnya mampu

memperkenalkan watak haiwan dari kedua-dua buah negara selain menyerlahkan keunikan cerita masing-masing yang berbeza bahasa, latar belakang budaya dan tempat. Tulisan ini membincangkan novel *Nabatah* dari Malaysia dan *Hollow Kingdom* dari Amerika Syarikat. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis isu kepincangan sosial yang disampaikan dengan menggunakan watak haiwan dalam teks kajian. Penilaian dilakukan dengan memanfaatkan konsep satira. Dapatan kajian menunjukkan isu kepincangan sosial yang disampaikan oleh para pengarang mencerminkan realiti kebobrokan masyarakat di kedua-dua buah negara untuk diatasi. Penemuan ini membuktikan bahawa satira haiwan mampu menjadi alat kritikan masyarakat yang berkesan secara tidak langsung.

Kata kunci: Satira haiwan, novel, Malaysia, Amerika Syarikat, konsep satira, perbandingan

Abstract

Each nation has its own animal tales that have been passed down since oral literature period. Animal tales are classified into several forms such as animal origin stories, educational fables, animal myths, and animal satires or allegories. For instance, animal tales, whether satirical or figurative, are created to criticise the weaknesses of an individual or an authority so they may improve. Nonetheless, previous studies that have compared Malaysian and American animal tales as satire are lacking. This gap needs to be filled since such a study can promote animal characters from both countries besides highlighting the uniqueness of both stories in their different languages, cultural backgrounds, and places. This article discusses the novels Nabatah from Malaysia and Hollow Kingdom from the United States of America. The objective of this study is to identify and analyse the issues of social deprivation presented in the texts through the animal characters. The concept of satire was utilised to conduct the evaluation. The results demonstrated that the issues of social deprivation presented by each author reflect the reality of societal deterioration in both nations that must be addressed. This discovery proves that animal satire has the potential to be an effective and indirect means of public criticism.

Keywords: Animal satire, novel, Malaysia, United States of America, concept of satire, comparison

PENDAHULUAN

Cerita haiwan merupakan khazanah sastera lisan yang diwarisi oleh setiap bangsa di dunia. Penerapan watak haiwan dalam cerita dilakukan kerana haiwan memiliki hubungan yang rapat dengan kehidupan manusia sehingga diberikan sifat-sifat manusia seperti kebolehan berfikir, bercakap serta perasaan seperti manusia (Nurhasma et al., 2009). Seterusnya, menurut Ismail (2008), cerita haiwan terbahagi kepada beberapa bentuk, iaitu cerita asal usul kejadian haiwan (*aetiological*), cerita didikan dan pengajaran (*fable*), mitos haiwan, haiwan sebagai satira atau haiwan sebagai kiasan (*allegory*). Selain itu, menurut Ismail lagi, naratif cerita haiwan digerakkan sama ada sepenuhnya oleh watak haiwan, haiwan dengan benda-benda tidak bernyawa, haiwan dengan manusia atau haiwan dengan raksasa.

Dalam kalangan masyarakat Melayu, kancil merupakan watak haiwan paling popular kerana dicirikan memiliki kebijaksanaan tinggi dalam memperdaya dan menewaskan musuh-musuh yang jauh lebih besar dan perkasa berbanding dengan dirinya (Raja Yusoff, 2021). Sementara itu, menurut Ismail (2008), masyarakat di negara lain juga memiliki watak epik haiwan tersendiri, misalnya watak serigala dan garuda didapati paling menyerlah dalam kalangan masyarakat di India. Selain itu, watak serigala turut terkenal dalam kalangan masyarakat Amerika. Watak arnab pula popular dalam kalangan masyarakat kulit hitam dan Amerika Syarikat. Antara lain, watak harimau, kerbau, kera, kijang dan buaya pula terkenal dalam kalangan masyarakat di Indonesia (Ismail, 2008).

Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memfokuskan cerita haiwan sebagai satira. Menurut S. Othman Kelantan (2005), satira merupakan kritikan secara tidak langsung tentang sesuatu kebodohan yang berlaku dalam masyarakat supaya diperbaiki. Kritikan dilakukan secara tidak langsung melalui pelbagai cara. Namun begitu, kajian lepas didapati kurang membandingkan cerita haiwan sebagai satira antara Malaysia dengan Amerika Syarikat. Hal ini merupakan satu kelompangan yang perlu diisi memandangkan kajian terhadapnya mampu memperkenalkan watak haiwan dari kedua-dua buah negara selain menyerlahkan keunikan cerita masing-masing yang berbeza bahasa, latar belakang budaya dan tempat. Misalnya, di Malaysia, makalah tulisan Maryam dan Roslan (2022) telah mengenal pasti unsur-unsur konflik masyarakat dalam novel tersebut menggunakan konsep satira. Namun begitu, pendekatan satira yang dikemukakan sebagai metod pada bahagian abstrak kajian tersebut

dilihat berlandaskan konsep satira, sama seperti kajian ini dan dibuktikan juga menerusi penerangan pada bahagian metodologi kajian tersebut.

Sememangnya kajian tersebut telah mengguna pakai teks satira haiwan yang sama dengan kajian ini dan terdapat juga keselarian dari aspek kajian dan contoh yang dikaji. Misalnya, satira konflik masyarakat dikesan melalui peristiwa pertelingkahan Tuk Gajah dan kumpulan Kerengga yang berakibat daripada tindakan Tuk Gajah mengejek dan membuat provokasi mengenai saiz kumpulan Kerengga yang dianggap kecil dan lemah. Selain itu, pergaduhan yang tercetus antara Ular Sawa Cindai dengan kumpulan Monyet adalah kerana tindakan Monyet yang menuduh Ular Sawa Cindai sebagai haiwan pemalas. Namun begitu, kajian yang dilakukan oleh Maryam dan Roslan hanya menggunakan teks novel *Nabatah* sebagai data kajian, sedangkan kajian ini menggunakan dua buah teks dari negara yang berbeza, iaitu novel *Nabatah* (Malaysia) dan novel *Hollow Kingdom* (Amerika Syarikat).

Seterusnya, kajian Roslina dan Engelenhoven (2016) memperlihatkan manfaat alegori haiwan dan unsur alam dalam *Hikayat Pelanduk Jenaka* menggunakan teori pengkaedahan Melayu. Di samping itu, makalah oleh Halis Azhan (2013) pula memfokuskan perkaitan pembinaan negara dalam novel *Tikus Rahmat* yang menggunakan satira tikus dengan prinsip Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Kajian tersebut memanfaatkan pendekatan keselarian, iaitu salah satu metod yang dipraktikkan dalam kajian sastera bandingan namun bersifat merentas disiplin ilmu (analisis karya sastera dengan ilmu undang-undang). Sebaliknya, kajian ini pula bersifat merentas budaya menerusi perbincangan karya sastera.

Perkembangan yang sama didapati turut berlaku dalam beberapa buah makalah dan kajian lepas berkaitan dengan cerita haiwan sebagai satira di Amerika Syarikat. Pertama, makalah oleh Norledge (2022) mengkaji tentang perspektif haiwan dan konsep “Hollow Kingdom” dalam novel *Hollow Kingdom*, iaitu novel yang turut dianalisis dalam kajian ini. Kajian yang menggunakan model Kesenambungan Strategi Herman dan proses Empat Langkah Carracciolo tersebut lebih menumpukan kepada peranan watak haiwan yang sering diabaikan dalam karya-karya yang bertemakan distopia. Kajian tersebut sebaliknya kurang memberikan perhatian pada watak haiwan yang disatirakan untuk mengkritik masalah kepincangan sosial.

Di samping itu, terdapat kajian disertasi sarjana oleh Smith (2014) yang menggunakan pendekatan sistem klasifikasi bagi membincangkan perhubungan perlambangan haiwan dengan isu-isu kepincangan masyarakat di Amerika sekitar abad ke-19. Namun, kajian Smith menggunakan

beberapa teks cerpen sebagai data kajian. Seterusnya, kajian latihan ilmiah yang diusahakan oleh Nurin Atiyafi (2014) juga menggunakan beberapa teks cerpen sebagai data kajian serta mengaplikasikan teori semiotik Charles Sanders Peirce.

Berdasarkan sorotan yang dilakukan, jels menunjukkan bahawa terdapat usaha untuk membandingkan cerita haiwan sebagai satira dari Malaysia dengan negara-negara barat, termasuklah Amerika Syarikat. Sebagai contoh, kajian oleh Quan et al. (2019) meneliti persamaan satira Sang Kancil (Malaysia) dengan Reynard the Red Fox (Belanda dan Perancis) dan watak Rer Rabbit (Afrika Amerika) yang digambarkan sebagai haiwan pembuat helah dan penyelesaian masalah dalam masyarakat haiwan, telah dianalisis menggunakan teori neo-arketaipal. Namun begitu, kajian tersebut menggunakan teks sastera klasik sementara kajian ini melibatkan analisis terhadap teks novel.

Bertitik tolak daripada kelompangan tersebut, terdapat dua buah karya sastera yang dipilih sebagai data penelitian kajian ini, iaitu novel *Nabatah* (2015) oleh Mohd. Khairy Haji Halimi dan novel *Hollow Kingdom* (2019) karya Kira Jane Buxton. Kedua-dua karya tersebut akan dianalisis dengan menggunakan konsep satira. *Nabatah* merupakan novel keempat karya Mohd. Khairy Haji Halimi, iaitu pengarang satira prolifik di Malaysia (Norzuzilawati, 2020). Menerusi *Nabatah*, Mohd. Khairy telah mengubah persepsi masyarakat Melayu tentang watak Sang Kancil. Dalam sastera lisan, watak Sang Kancil sering kali dianggap sebagai haiwan yang hanya bijak merencana helah untuk melepaskan diri. Sebaliknya dalam novel ini, watak Sang Kancil telah dipotretkan sebagai pemimpin yang arif dalam menyelesaikan pelbagai bentuk kepincangan masyarakat haiwan yang bersifat majmuk dengan mendukung prinsip hidup Islam. Oleh itu, novel ini amat bersesuaian dijadikan panduan kehidupan oleh pemimpin dan masyarakat di Malaysia yang menghadapi situasi yang sama.

Novel *Hollow Kingdom* (2019) pula ialah novel oleh Kira Jane Buxton yang merupakan pengarang humor di Amerika Syarikat (Garrison, 2023). Karya ini telah mengangkat tema distopia yang didapati mempunyai unsur satira menerusi kritikan pengarang terhadap isu kepincangan sosial. Pengarang telah menggarap watak Shit Turd secara ironi, iaitu seekor burung gagak yang kebiasaannya dikaitkan sebagai haiwan pengotor dan mempunyai kaitan dengan unsur negatif dan mistik (kepercayaan tradisi masyarakat Amerika), diangkat menjadi pemimpin masyarakat haiwan yang prihatin dan menyayangi manusia. Hal ini seperti yang diperkatakan oleh Jee Wan (2019) bahawa watak burung gagak jarang sekali ditampilkan

dalam naratif sesebuah novel, lebih-lebih lagi berperanan sebagai watak utama. Walau bagaimanapun, Kira Jane Buxton selaku pengarang novel *Hollow Kingdom* yang telah terpesona dengan keunikan burung gagak telah memotretkan watak Shit Turd sebagai penyampai cerita humor yang begitu berkesan. Novel ini mengambil latar belakang dan isu kepincangan yang realitinya berlaku di Amerika Syarikat. Karya ini diharapkan dapat menjadi panduan kehidupan di Amerika Syarikat pada hari ini.

Sehubungan dengan itu, kajian ini mengenal pasti dan menganalisis isu-isu kepincangan sosial yang disampaikan secara satira haiwan dalam kedua-dua teks kajian.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menerapkan kaedah kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Novel *Nabatah* karya Mohd. Khairy Haji Halimi dan novel *Hollow Kingdom* karya Kira Jane Buxton telah dipilih sebagai teks utama bagi kajian ini. Seterusnya, huraian dan hujah-hujah yang dibentangkan akan disokong oleh fakta yang dirujuk daripada disertasi sarjana, makalah, kajian latihan ilmiah, prosiding dan laman web yang berkaitan. Data daripada kedua-dua teks kajian dianalisis dengan menggunakan analisis kandungan dan dijalankan berlandaskan konsep satira.

Menurut S. Othman Kelantan (2005), perkataan satira dipinjam daripada bahasa Inggeris, iaitu *satire*. *Satire* merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa Latin *satira* yang merujuk kepada *full plate*, iaitu pinggan yang dipenuhi dengan variasi buah-buahan dengan aneka rasa seperti manis, pahit, kelat dan masam. Hal ini diumpamakan seperti sesebuah penulisan satira yang rencam pemikirannya, iaitu memberikan kegembiraan atau menyakitkan pembacanya. Selain itu, S. Othman Kelantan juga menyatakan (2005) bahawa satira dalam bahasa Melayu merujuk sindiran, ejekan, tempelakan, kejian, cemuhan dan perlihan yang memiliki unsur lucu dan sindiran tajam bertujuan untuk mengkritik kepincangan masyarakat secara tidak langsung. Satira terdapat dalam pelbagai genre seperti puisi, cerpen, novel, drama, rencana dan esei. Seterusnya, menurut Nor Azlina et al. (2023), humor (*humour*), jenaka pintar (*wit*), tulisan sindiran (*lampoon*), sindiran (*sarcasm*), burlesk (*burlesque*), kecaman (*invective*), kesinisan (*cynicism*), ejekan (*mockery*), parodi (*parody*), perihal menokok tambah (*exaggeration*), ungkapan atau perkataan yang pendek dan bernas serta mengandungi fikiran yang bijak dan menyindir (*epigram*), kenyataan yang kurang benar (*understatement*), seloroh (*raillery*) dan ironi

(*irony*) merupakan contoh-contoh teknik yang kebiasaannya digunakan oleh pengarang satira. Nor Azlina et al. (2023) memetik contoh satira berkaitan dengan politik yang menggabungkan teknik kesinisan (*cynicism*), humor (*humour*) dan parodi (*parody*) bertujuan untuk mengkritik kelemahan dasar sesebuah pemerintahan, menyuarakan ketidakpuasan hati pada penyelewengan kuasa atau mengecam ketidakadilan atau isu politik yang bersifat kontroversi.

Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menggunakan konsep satira sebagai metod kajian untuk mengenal pasti dan menganalisis isu-isu kepincangan sosial yang disampaikan menggunakan watak haiwan dalam teks novel *Nabatah* (Malaysia) dan *Hollow Kingdom* (Amerika Syarikat).

ANALISIS, DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kritikan kepincangan sosial pertama yang ingin disampaikan oleh pengarang menerusi novel *Nabatah* ialah penggunaan perlambangan watak kumpulan Monyet dan Ular Sawa Cindai, iaitu kritikan tentang perbuatan memfitnah yang berleluasa dalam masyarakat. Kumpulan Monyet di wilayah Nabatah digambarkan sebagai watak yang sering mengganggu ketenteraman hidup haiwan lain dengan menimbulkan kekecohan dan permusuhan. Misalnya, dalam peristiwa pertelingkahan antara kumpulan Monyet dengan Ular Sawa Cindai yang berkesudahan dengan salah seekor Monyet hampir mati, kumpulan Monyet telah memfitnah Ular Sawa Cindai sengaja mencetuskan pergaduhan tersebut dengan mencabar mereka. Pada hakikatnya, Ular Sawa Cindai bertindak sedemikian kerana berasa tidak tahan apabila berkali-kali diejek sebagai haiwan pemalas oleh kumpulan Monyet. Tambahan pula, Ular Sawa Cindai ingin menggunakan kesempatan tersebut untuk membaham Monyet kerana Ular Sawa Cindai berada dalam kelaparan. Pergaduhan tersebut dileraikan oleh Kamil, iaitu Sang Kancil, dengan menyelidik punca sebenar kejadian yang memaksa ketua Monyet yang pada akhirnya mengakui kesilapan yang dilakukan oleh anak buahnya dan meminta maaf. Hal ini seperti terlihat pada gambaran di bawah ini, (Mohd. Khairy, 2015:75–76):

“Apa yang terjadi?” Kamil cuba membuka cerita.

“Monyet tua itu menuduh aku pemalas; sengaja mencari peluang. Untuk mengisi perut pun menunggu rezeki datang bergolek di depan mata.” Ular Sawa Cindai menyuarakan kemarahannya.

“Apa yang kau lakukan selepas itu?” tanya Kamil lagi.

“Berkali-kali mereka mengejek. Sabar ada hadnya,” ujar Ular.

“Bohong. Dia sengaja mencari pasal. Dia yang cabar kami,” jawab salah seekor Monyet yang lebih besar.

Kamil segera mencari punca pergaduhan yang menyebabkan pergelutan. Kamil mesti bijak menggunakan peluang yang ada.

Kamil berpura-pura menjampi, mulutnya terkumat-kamit. Sesekali Kamil menyemburkan sesuatu ke arah Monyet dan Ular Sawa Cindai.

“Kamu berdua jangan berbohong. Aku tahu kau sengaja mereka-reka cerita,” ujar Kamil sebaik sahaja aksi tarian dan goyangan badannya selesai. Aksi yang dipamerkan tadi cukup memukau.

“Maafkan kami; anak buah kami cuma bergurau... tidak pula menyangka dia menjadi marah sehingga membalun salah seekor daripada keluarga kami yang bergayutan menggunakan kepala hingga terjatuh.” Ketua Monyet mengakui kesilapan mereka sendiri.

Berdasarkan gambaran dalam petikan, tindakan kumpulan Monyet merupakan satira kepada sikap segelintir masyarakat yang gemar mencetuskan onar menerusi perbuatan fitnah. Kumpulan Monyet telah bersikap tidak jujur apabila menuduh Ular Sawa Cindai yang memulakan sengketa sedangkan konflik antara mereka tercetus akibat tindakan kumpulan Monyet selama ini yang mengganggu dan merendah-rendahkan maruah Ular Sawa Cindai. Kumpulan Monyet telah menggelar Ular Sawa Cindai sebagai haiwan pemalas. Perbuatan melabelkan seseorang sebagai pemalas seperti yang dilakukan oleh kumpulan Monyet sememangnya mengundang kemarahan kerana sikap tersebut merupakan sikap negatif yang menyebabkan banyak pekerjaan menjadi tergendala. Menurut Saifullah (2010), agama Islam menuntut penganutnya untuk bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu pekerjaan agar hasil terbaik yang dihasratkan akan tercapai. Sehubungan dengan itu, ejekan kumpulan Monyet terhadap Ular Sawa Cindai sebagai haiwan pemalas sememangnya tidak dapat diterima sehingga menyebabkan Ular Sawa Cindai bertindak agresif. Kesimpulannya, watak kumpulan Monyet yang menjadi satira kepada manusia yang suka menabur fitnah semata-mata

untuk menutup kesalahan diri sendiri akan mengundang porak-peranda yang serius dalam masyarakat. Hal ini demikian kerana sesuatu fitnah atau tuduhan yang tidak diselidik terlebih dahulu akan menyebabkan pihak yang tidak bersalah kelihatan bersalah sementara pihak yang sebenarnya bersalah terlepas daripada hukuman.

Seterusnya, gambaran tentang perbuatan memfitnah turut terdapat dalam novel *Hollow Kingdom*, iaitu menerusi tindakan kumpulan burung Raven yang menuduh Shit Turd (spesies gagak Amerika) telah menjadi hamba kepada manusia. Hal ini demikian kerana meskipun kumpulan burung Raven dan Shit Turd tergolong dalam spesies burung yang sama, iaitu burung gagak, namun kedua-duanya memiliki latar belakang hidup yang amat berbeza. Shit Turd dari kecil telah dipelihara dan tinggal bersama-sama pemiliknya yang merupakan seorang manusia. Sebaliknya, kumpulan burung Raven yang diketuai oleh Kraai pula hidup secara liar dan berkumpulan. Jurang habitat dan pergaulan tersebut telah mewujudkan salah faham dan hubungan yang dingin antara kedua-dua spesies gagak berkenaan. Misalnya, pada satu hari, Shit Turd ingin meminta bantuan daripada burung Raven untuk mencari Onida, iaitu makhluk yang dikatakan dapat membantu mengembalikan keadaan dunia seperti sediakala. Namun, Shit Turd bukan sahaja tidak dibantu malah difitnah oleh Raven seperti yang digambarkan dalam petikan (Buxton, 2019:45):

“But you are a hybrid, aren’t you? A hybrid Blackwing. Enslaved by the MoFos, caged and clipped-”

“Clipped?! My wings work perfectly! Probably better than yours!”

“We aren’t judging you, Blackwing. We say how it is. My name is Kraai.” (This is my best attempt to phonetically translate his name for you.)

“Look, Kraai don’t call me hybrid, or Blackwing; my name is Shit Turd and I am what I am. Just tell me where I can find Onida, please. And we’ll be on our way.”

“Since you are a hybrid Blackwing, you walk the way of The Hollows, you live trapped in a-”

“Enough!” I squawked, mimicking his earlier cry. “You don’t know who I am! None of you fuckers do!”

Perbuatan kumpulan burung Raven yang menuduh Shit Turd telah menjadi mangsa kurungan manusia berdasarkan tanggapan mereka semata-mata merupakan satira kepada pihak yang gemar melakukan pertuduhan yang salah terhadap pihak lain tetapi tidak mengemukakan bukti. Shit Turd sebaliknya telah dipelihara dengan baik oleh pemiliknya, iaitu Big Jim. Misalnya, dalam novel ini, Shit Turd dikatakan akan dibawa bersama-sama Big Jim untuk menghabiskan masa, sama ada ke restoran, kedai peralatan rumah atau pergi bersiar-siar. Oleh itu, Shit Turd meminta agar gagak bersaiz besar tersebut menghentikan tuduhan yang dilakukan olehnya. Malah bukan itu sahaja, kumpulan burung Raven turut mendakwa Shit Turd bakal menerima nasib yang sama seperti manusia, iaitu mengalami kehancuran kerana bertindak kejam terhadap haiwan. Hal ini demikian kerana Shit Turd dianggap sebagai gagak hibrid, iaitu burung gagak yang memiliki jasad sebagai haiwan, namun pemikiran dan kelakuan saling tidak tumpah seperti manusia. Tuduhan tersebut jelas mengundang kemarahan Shit Turd yang tanpa sengaja telah mengeluarkan kata-kata kesat kepada kumpulan burung Raven.

Menurut Shit Turd, mereka tidak berhak menuduhnya kerana mereka tidak pernah mengetahui tentang asal usulnya. Reaksi tegang yang dipamerkan oleh Shit Turd tersebut mewakili manusia yang menjadi mangsa fitnah. Hal ini demikian kerana pelaku perbuatan fitnah kadangkala langsung tidak mengetahui tentang perihal latar belakang diri mangsanya tetapi melemparkan tuduhan sehingga orang awam mempercayai hal tersebut dan berprasangka buruk terhadap mangsa. Hal ini sudah pastinya menyebabkan mangsa fitnah terkesan dari segi emosi sehingga mengeluarkan ucapan yang tidak baik. Sehubungan dengan itu, tindakan fitnah tanpa mengemukakan bukti seperti yang dilakukan oleh Raven pada Shit Turd perlu dihentikan kerana boleh mengundang persepsi negatif masyarakat terhadap mangsa dan mengganggu emosinya, seterusnya mungkin menyebabkan tindakan luar jangka diambil.

Kesimpulannya, menerusi satira kumpulan Monyet dalam novel *Nabatah* dan satira burung Raven dalam *Hollow Kingdom*, para pengarang cuba menyampaikan kritikan berkaitan dengan isu perbuatan memfitnah dalam masyarakat. Tindakan agresif Ular Sawa Cindai yang membelit dan ingin membaham salah seekor Monyet, dengan sengaja dijadikan fitnah oleh kumpulan Monyet bahawa reptilia tersebut pencetus sengketa sedangkan perkara tersebut dilakukan bertujuan untuk menutup kesalahan mereka yang selama ini gemar mengejek reptilia tersebut sebagai haiwan pemalas. Hal ini menyamai sikap manusia yang sanggup melemparkan fitnah kepada

pihak yang tidak bersalah, semata-mata ingin melepaskan diri daripada dijatuhkan hukuman dan dilihat sebagai pihak teraniaya di hadapan umum. Sementara itu, prasangka buruk kumpulan burung Raven ke atas Shit Turd dapat dielakkan sekiranya kedua-dua pihak mewujudkan hubungan persahabatan dan persefahaman. Adalah tidak wajar untuk burung Raven membandingkan dirinya dengan Shit Turd memandangkan kedua-duanya berbeza cara hidup dan pemikiran. Hal ini menyamai sikap manusia untuk tidak menghakimi seseorang tanpa mengenalinya terlebih dahulu kerana penilaian yang salah akan mewujudkan pandangan serong kepada pihak lain.

Selain itu, novel *Nabatah* dan *Hollow Kingdom* didapati turut menampilkan isu berkaitan dengan perbuatan diskriminasi dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, jenis diskriminasi yang dibincangkan dalam kedua-dua novel tersebut adalah berbeza antara satu sama lain. Misalnya dalam novel *Nabatah*, Mohd Khairy (2005) telah mengkritik gejala diskriminasi keturunan menerusi satira watak Gajah dan kumpulan Kerengga. Menurut Abur Hamdi dan Mohd Mahfuz (2019), diskriminasi keturunan boleh berlaku apabila segolongan atau sekumpulan manusia yang berkongsi persamaan seperti budaya dan biologi ingin mempertahankan golongannya.

Walaupun bagaimanapun, pada masa yang sama golongan atau kumpulan tersebut melakukan penindasan terhadap kaum lain. Dalam novel ini misalnya, watak Tuk Gajah (Gajah) dikatakan telah mendiskriminasi spesies haiwan yang lebih kecil daripadanya dengan cara menyalahgunakan kelebihan fizikal tubuh yang besar. Tuk Gajah juga ditakuti sekiranya dia sedang naik minyak (marah) kerana dapat mengancam keselamatan nyawa sekalian haiwan di hutan Nabatah. Oleh itu, Tuk Gajah telah menjadi haiwan yang amat sombong dan bangga diri. Misalnya, Tuk Gajah telah memandang rendah terhadap kumpulan Kerengga meskipun serangga tersebut merupakan pemastautin lama di hutan Nabatah. Tuk Gajah telah menghina kekurangan fizikal Kerengga dan merosakkan sarang mereka. Tindakan tersebut mengakibatkan kumpulan Kerengga berasa amat marah lalu bekerjasama sesama mereka untuk menumpaskan Tuk Gajah dengan cara menggigit pada seluruh kawasan tubuhnya. Pergaduhan tersebut pada akhirnya terpaksa dileraikan oleh Kamil dan Merbau kerana Tuk Gajah hampir mati diserang seperti yang digambarkan dalam petikan (Mohd. Khairy, 2015:205, 214–215):

“Kamil, Tuk Gajah buang tabiat, merosakkan sarang Kerengga,” kata Merbau sebaik sahaja turun hinggap di atas tanah berhampiran Kamil.

“Mengapa boleh terjadi pergaduhan?” Kamil bertanya.

Timbul kesangsian; apa niat tersirat Tuk Gajah mengganggu kumpulan Kerengga yang sekian lama bermaustatin di situ.

...

“Mentang-mentang berbadan besar, bertelinga besar, ego pun besar.” Merbau membuat telahan. Kamil sekadar tersenyum.

“Semangatnya juga besar untuk menjadi pemimpin tetapi tidak mendapat sokongan padu penduduk wilayah kita ini,” ujar Kamil lagi.

“Kalau terus dibiarkan tadi, apa sudahnya, Kamil?” tanya Merbau lagi.

Tuk Gajah boleh mati kerana serangan daripada Kerengga berterusan dan bersepadu. Semua bahagian anggota diserang bertalu-talu,” jawab Kamil membuat telahan.

“Kalau semua lubang pernafasan melalui belalai dan mulut dipenuhi Kerengga, tentu tidak dapat bernafas.” Merbau mencelah.

“Kalau terus disedut, sedangkan soldadu Kerengga menyekat saluran pernafasan, Kerengga akan tersedut masuk ke rongga pernafasan, semakin teruklah jadinya,” jawab Kamil lagi.

“Kalau masuk ke lubang telinga dan menggigit tidak berhenti-henti?” tanya Merbau lagi.

“Tuk Gajah boleh jadi sasau.” Merbau mencelah sambil ketawa.

“Kita wajib bersyukur dan menerima ketentuan Allah, Kerengga yang sekecil itu mampu menamatkan riwayat hidup Tuk Gajah dengan izin-Nya,” pesan Kamil.

“Tidak padan berbadan kecil.” Merbau menyampuk.

“Jangan disangka yang kecil macam kita ini lemah dalam semua bidang,” pesan Kamil.

Berdasarkan petikan, perbuatan Tuk Gajah yang mendiskriminasi kumpulan Kerengga merupakan satira kepada golongan atasan yang menganiaya rakyat biasa. Hal ini demikian kerana tindakan Tuk Gajah yang memanipulasi kekuatan fizikal tubuhnya dengan merosakkan sarang

kumpulan Kerengga merupakan kritikan terhadap golongan kaya yang menyalahgunakan kekuasaan dan kekayaan yang dimiliki. Mereka ingin memaksa rakyat biasa percaya bahawa keturunan atasan adalah mulia, sama seperti yang dilakukan oleh Tuk Gajah. Oleh itu, segala tindakan mereka juga tidak boleh dipersoalkan. Seterusnya, faktor keangkuhan juga menjadi asbab hasrat Tuk Gajah untuk menjadi pemimpin baharu di Wilayah Nabatah tidak tercapai. Hal ini merupakan sindiran tidak langsung kepada individu yang tidak diterima kepimpinannya kerana bersikap sombong dan bongkak. Menurut Hafizatul Afaf dan Rohana (2023), sikap merendah hati dalam kalangan pemimpin merupakan salah satu prinsip dalam model kepimpinan Nabi Muhammad SAW. Oleh itu, penghuni Nabatah yang mewakili masyarakat Melayu dan beragama Islam sewajarnya menghindari kepimpinan Tuk Gajah yang bersikap sombong kerana dikhuatiri kebajikan bagi haiwan yang lebih kecil, iaitu satira kepada golongan rakyat biasa, akan diabaikan.

Selanjutnya sebagai tindak balas, kumpulan Kerengga telah melakukan serangan bertali arus dengan menggigit Tuk Gajah pada seluruh anggota tubuhnya. Gambaran Tuk Gajah yang akhirnya terkulai dan hampir tewas merupakan satira kepada keangkuhan golongan atasan yang boleh ditundukkan apabila rakyat biasa menyerlahkan potensi sebenar diri mereka atau bekerjasama. Hal ini demikian kerana setiap makhluk yang diciptakan oleh Allah SWT mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing dan pekerjaan yang dilakukan dengan semangat kerjasama akan memperoleh hasil yang maksimum. Sehubungan dengan itu, Tuk Gajah sepatutnya melahirkan kesyukuran terhadap kekuatan fizikal yang dimiliki dan tidak menghina kelemahan kumpulan Kerengga. Kelebihan tersebut sepatutnya dimanfaatkan oleh Tuk Gajah dengan menjadi pelindung kepada haiwan lain yang lebih kecil sekiranya nyawa mereka terancam. Demikian juga bagi golongan atasan yang sepatutnya menghentikan penghinaan dan penindasan terhadap rakyat. Mereka sebaliknya perlu membantu rakyat yang memerlukan dan memberikan perlindungan agar memperoleh kehidupan yang lebih baik.

Gambaran perbuatan diskriminasi juga dapat ditelusuri pada satira watak Onida dalam novel *Hollow Kingdom*. Namun begitu, jenis diskriminasi yang dibincangkan dalam novel ini menyentuh tentang diskriminasi gender. Menurut Azlina (2012), diskriminasi gender bermaksud tindakan membezakan peranan lelaki dengan wanita dalam masyarakat. Perbezaan tersebut boleh berlaku dalam hal ekonomi, sosial dan politik. Misalnya, dalam novel *Hollow Kingdom*, watak Onida, iaitu seekor gurita betina

dikatakan telah didiskriminasi oleh lawan sejenis dalam masyarakatnya meskipun memiliki pengetahuan yang luas dan potensi diri yang pelbagai. Walau bagaimanapun, pada suatu hari Shit Turd tetap pergi menemui Onida memandangkan dia sering mendapat petunjuk daripada alam bahawa makhluk tersebut dapat membantunya menyelesaikan kemelut yang sedang dihadapi seperti yang digambarkan dalam petikan ini (Buxton, 2019:69):

“What is left is you. Millions of domestics have died, but there are still many, many more stuck and abandoned and looking for a savior. Growth and evolution depend on our changing relationship to the beings around us. If you want to help mankind, this is what you must do. It is your choice, Crow.”

“Domestics?” I puzzled over the idea while simultaneously noticing how enjoyable it was to converse with someone who didn’t have the brain of a chicken nugget. I was finally-perhaps for the first time in my life-being heard. I let myself ponder the concept before saying, “You know so much, Onida.”

“I have nine brains-which never stop growing-three hearts, and I can regenerate my arms; but mostly, it’s because I’m female.” Female. Well, shit. Admittedly, I had limited knowledge of them, but they had always seemed omniscient and formidable to me.

Berdasarkan petikan, diskriminasi yang dihadapi oleh watak Onida, merupakan satira kepada diskriminasi gender oleh golongan lelaki terhadap wanita di Amerika Syarikat. Onida sebagai gurita betina digambarkan memiliki kebijaksanaan luar biasa apabila mampu memberikan hujah yang bernas kepada Shit Turd tentang perkara yang terjadi di kejiranan Seattle meskipun Onida sebenarnya tinggal di dalam sebuah tangki di zoo. Dalam pertemuan tersebut, Onida berhujah bahawa haiwan peliharaan seperti kucing, arnab dan burung yang masih hidup dan mencari tempat bergantung setelah pemilik mereka, iaitu manusia, berubah menjadi zombi merupakan generasi terakhir kepada Shit Turd dan peninggalan terakhir manusia. Hal ini demikian kerana sebelum itu, manusia telah menjadi pelindung, memberikan makanan dan minuman serta kasih sayang kepada haiwan peliharaan. Oleh itu, menurut Onida, sekiranya Shit Turd bercadang untuk menyelamatkan haiwan tersebut, maka kerjasama perlu dijalinan dengan makhluk lain untuk mengembalikan semula keamanan dunia.

Hujah yang dilontarkan Onida tersebut telah membuka pemikiran Shit Turd tentang tindakan yang perlu dilakukannya sehingga tidak dapat

menahan diri daripada melahirkan kekaguman terhadap Onida. Walau bagaimanapun, pujian tersebut ditanggapi secara sinis oleh Onida. Hal ini demikian kerana Onida mendakwa kemampuannya sering dinafikan oleh lawan sejenis meskipun memiliki pelbagai keunikan. Misalnya, berdasarkan petikan, Onida digambarkan memiliki sembilan otak, tiga jantung serta berupaya menumbuhkan semula tangannya yang merupakan satira kepada potensi besar yang dimiliki oleh wanita. Walau bagaimanapun, kelebihan tersebut menurut Onida, belum mampu untuk meyakinkan lawan sejenisnya untuk menggunakan buah fikirannya sekiranya terjadi sesuatu krisis dan memerlukan penyelesaian segera.

Hal ini merupakan satira terhadap golongan lelaki di Amerika Syarikat yang masih meragui kemampuan dan kebolehan golongan wanita disebabkan faktor latar belakang budaya mereka yang masih mengamalkan patriarki. Menurut Yanuar Albertus et al. (2018), Amerika Syarikat kononnya merupakan negara yang lantang memperjuangkan hak asasi manusia sejagat, namun hakikatnya golongan wanita di negara mereka sendiri masih didiskriminasi oleh budaya dan tradisi patriarki yang diamalkan sejak sekian lama. Sehubungan dengan itu, perlambangan watak Onida mewakili golongan wanita tertindas di Amerika Syarikat perlulah diberikan ruang dan peluang untuk mengembangkan potensi diri yang dapat mendatangkan manfaat buat dirinya atau mendatangkan kebaikan kepada masyarakat lain.

Kesimpulannya, watak Tuk Gajah (haiwan gajah) dalam novel *Nabatah* telah digunakan oleh pengarang sebagai satira kepada golongan atasan yang mendiskriminasi rakyat biasa. Tuk Gajah digambarkan telah memperkecil kekurangan fizikal kumpulan Kerengga dan secara sengaja merosakkan sarang serangga tersebut sehingga mencetuskan pergaduhan. Hal ini serupa dengan sikap segelintir golongan atasan yang sengaja mencetuskan konflik seperti membangkitkan isu perbezaan status. Malah terdapat tindakan lebih menonjol yang dilakukan, iaitu memanipulasi kekayaan untuk melakukan kekerasan dan penganiayaan ke atas rakyat biasa. Sebaliknya, satira watak Onida, iaitu gurita betina yang didiskriminasi kumpulan gurita jantan dalam novel *Hollow Kingdom* merupakan kritikan pengarangnya terhadap diskriminasi gender ke atas wanita di Amerika Syarikat. Onida meskipun digambarkan sebagai memiliki pengetahuan luas dan mempunyai pelbagai kelebihan diri, tetap dipulaukan oleh lawan jenisnya. Hal ini serupa dengan penafian ke atas hak dan peluang kepada wanita di negara tersebut dalam mempamerkan kemahiran dan potensi besar dalam pelbagai bidang, hanya kerana dianggap sebagai kelas kedua dalam masyarakat. Sehubungan

dengan itu, meskipun kedua-dua teks menampilkan jenis diskriminasi yang berbeza namun tetap perlu dibanteras kerana mencabuli hak asasi seseorang manusia. Perbuatan Tuk Gajah mencerminkan pencabulan ke atas hak seseorang untuk menikmati kekayaan negara secara bersama manakala perbuatan gurita jantan melambangkan pencabulan hak asasi ke atas wanita.

Selain itu, analisis turut menemukan pengutaraan isu jenayah dalam novel *Nabatah* dan *Hollow Kingdom*, iaitu menerusi gabungan perlambangan watak haiwan dan manusia. Dalam novel *Nabatah*, Mohd Khairy telah membuat kritikan tentang kegiatan pecah amanah dalam kalangan pegawai perhilitan yang bertanggungjawab memburu dan menangkap mergastua di hutan bagi tujuan pemuliharaan. Keluarga Kamil, iaitu spesies Kancil dikatakan turut menjadi mangsa buruan dalam operasi tersebut oleh kerana keenakan rasa dagingnya seperti yang digambarkan dalam petikan (Mohd Khairy, 2015:3–4):

Kamil terkejut sebaik sahaja terlihat muncung laras senapang digerakkan ke beberapa arah. Kamil semakin cemas. Pemburu sedang menjejak sasaran. Kasih menggigil ketakutan. Muncung laras menghala ke arah mereka berdua.

“Kalau tengok bekasnya, binatang tu baru sahaja lalu. Mungkin belum jauh perginya. Mari kita jejakinya perlahan-lahan. Cepat sikit!”

“Kalau boleh, malam ini kita tangkap sekali. Senang kerja kita.”

“Kalau dapat dua ekor, kita sembelih satu. Yang satu kita hantar ke sana.”

“Mana boleh, kita perlu patuh kepada etika kerjaya profesional kita.”

“Etika? Etika kualiti lebih baik. Tempat menggulainya pun dah ada.”

“Kita tangkap bukan untuk dijadikan lauk tetapi dipelihara.”

“Spesies itu perlu dilindungi. Kalau boleh, jangan sampai pupus.”

“Lindungi, lindungi juga. Tekak aku ini pun perlu dilayan.” Suara salah seorang pemburu meluahkan rasa kurang puas hatinya.

“Yang lain kan ada. Lembu, kambing, ayam boleh jadi pilihan.”

“Rasanya tidak sama dengan keenakan daging kancil.”

Berdasarkan gambaran dalam petikan, tindakan seorang penguatkuasa perhilitan yang mengusulkan kepada rakannya untuk menyembelih salah seekor kancil sekiranya berjaya ditangkap, merupakan satira kepada penjawat awam yang mengalami ketirisan nilai etika profesionalisme. Sebagai pegawai perhilitan yang menggalas amanah untuk mengurus dan memelihara hidupan liar, mereka sepatutnya menyerahkan segala hasil tangkapan haiwan kepada pihak kerajaan untuk dilindungi bagi tatapan generasi akan datang. Ketirisan nilai etika boleh menyebabkan pegawai berkenaan berdepan dengan risiko hukuman dan sekali gus mencalarakan reputasinya. Sehubungan dengan itu, jenayah pecah amanah oleh pegawai perhilitan seperti yang disatirakan dalam petikan perlulah dibanteras bagi memelihara integriti penjawat awam yang disegani selain memastikan kelangsungan hidup spesies haiwan liar bagi menjamin keseimbangan ekosistem alam di Malaysia.

Sementara itu, jenayah pecah amanah dalam novel *Hollow Kingdom* pula dilambangkan menerusi satira watak Komodo. Haiwan tersebut digambarkan telah menyalahgunakan kuasanya sebagai pemimpin untuk menzalimi rakyat. Dalam novel ini, Komodo digambarkan telah menggantikan manusia sebagai pemimpin di kejiranan Seattle setelah manusia berubah menjadi zombi. Peralihan kepimpinan tersebut pada mulanya diharapkan dapat mendatangkan keadaan yang lebih baik kerana haiwan kini dipimpin oleh kelompok mereka sendiri. Sebaliknya, situasi menjadi lebih buruk sehingga banyak haiwan yang terkorban seperti yang dilambangkan dalam petikan (Buxton, 2019:128):

“This is the world of the MoFos!” I yelled at the dragon. They had sculpted and designed and trimmed and cut down and bettered everything. And here was Komodo, cool and commanding, and indomitable takeover. Like Nature-the predator that shows no mercy. He was lumbering, puissant proof that MoFos were losing a battle against the earth.

“You disgust me, you scaly fuck-bucket!” I screamed at him. Then I took flight before I did something utterly stupid.”

Berdasarkan gambaran dalam petikan, Komodo yang berubah menjadi pemimpin haiwan yang zalim setelah berkuasa merupakan satira kepada para pemimpin yang pada awalnya menabur janji-janji manis untuk membawa keadilan dan pemulihan negara kepada rakyat jika memperoleh mandat. Namun setelah berkuasa, mereka telah menyalahgunakan kuasa tersebut dengan melakukan penindasan yang sama atau lebih teruk kepada rakyat. Shit Turd yang digambarkan tidak tahan melihat lagak kejam yang dilakukan oleh Komodo telah bertindak memaki reptilia berkenaan. Dakwa Shit Turd, pemerintahan manusia sebelumnya adalah jauh lebih baik memandangkan manusia telah memajukan dunia untuk memberikan kehidupan yang lebih baik kepada sekalian makhluk. Komodo pula sebaliknya pernah dilihat oleh Shit Turd sedang membaham bangkai spesies Meerkat. Walau bagaimanapun, Shit Turd hanya memaki Komodo dari jarak jauh memandangkan sebarang tindakan yang tidak berhemah akan mengancam keselamatan nyawanya. Hal ini merupakan perlambangan kepada tindakan tunjuk perasaan dan bantahan oleh golongan rakyat kepada pemimpin yang zalim yang terpaksa dilakukan secara bersederhana. Hal ini demikian kerana pemimpin yang zalim akan bertindak menggunakan kekerasan bagi melenyapkan musuh-musuhnya seperti tindakan menangkap atau menghukum bunuh. Sehubungan dengan itu, kepimpinan yang bersifat zalim seperti yang ditunjukkan oleh Komodo perlu dibanteras bersama-sama rakyat biasa yang banyak jumlahnya. Hal ini demikian kerana semakin lama pemerintahan tersebut, maka semakin banyaklah nyawa haiwan di kawasan kejiranan Seattle yang akan menjadi korban. Hal ini menjadi satira kepada kehidupan rakyat yang menderita sekiranya kekal berada di bawah pentadbiran yang bersifat kuku besi dan menindas tersebut.

Kesimpulannya, konsep satira watak pegawai perhilitan dalam novel *Nabatah* dan watak Komodo dalam novel *Hollow Kingdom* merupakan satira kepada jenayah pecah amanah oleh golongan yang memegang kuasa di Malaysia dan di Amerika Syarikat. Watak pegawai perhilitan dalam novel *Nabatah* merupakan satira kepada penjawat awam yang telah diberi kepercayaan untuk mengurus dan menjaga kebajikan haiwan liar, sebaliknya berhasrat untuk bertindak kejam membunuhnya bagi kepentingan peribadi (*Nabatah*), manakala watak Komodo merupakan satira kepada pemimpin baharu yang diharapkan dapat membawa kehidupan yang lebih baik kepada golongan yang diperintah, tetapi rupa-rupanya mengundang bencana yang lebih besar. Mereka bahkan menjadi lebih kejam daripada pemerintahan sebelumnya.

Akhir sekali, gambaran kelemahan kepimpinan jelas ditunjukkan dalam kedua-dua novel yang dikaji. Dalam novel *Nabatah*, pengarang mengkritik kegagalan kepimpinan keluarga Tekukur. Pasangan Tekukur Jantan dan Tekukur Betina dikatakan menghadapi masalah dalam mengendalikan anak remaja mereka yang semakin lama mempamerkan sikap biadap apabila lebih mengutamakan rakan berbanding dengan perintah ibu bapa sendiri. Situasi tersebut nyata telah meresahkan pasangan Tekukur berkenaan sehingga mengundang perbalahan antara mereka seperti yang digambarkan dalam petikan (Mohd Khairy, 2015:98):

“Apa yang kamu berdua gaduhkan?” Kamil bertanya.

“Pasal anak kami yang terbang entah ke mana, sudah dua hari belum balik-balik lagi hingga sekarang,” ujar burung Tekukur Betina.

“Salah dia juga, terlalu memanjakan anak. Ikut sahaja kehendaknya,” bidas burung Tekukur Jantan.

“Kecil lagi atau dah remaja?” tanya Kamil lagi.

“Kerana sudah remajalah, kami risau dan bimbang dia tertangkap.” Burung Tekukur Betina bertambah sedih.

Dalam konteks petikan di atas, pergaduhan yang tercetus antara pasangan Tekukur akibat rasa gusar tentang anak remaja mereka yang tidak pulang ke rumah selama dua hari merupakan satira kepada ibu bapa yang berhadapan dengan konflik anak remaja lari dari rumah berpunca daripada kegagalan mendidik dan membimbing. Hal ini demikian kerana pada usia remaja anak-anak begitu mudah terpengaruh dengan rakan sebaya dan ingin mencuba perkara baharu termasuklah kegiatan jenayah. Namun perkara yang menghairankan, kebanyakan ibu bapa tidak mengambil hal tersebut sebagai satu iktibar untuk mencari penyelesaian. Sebaliknya, ibu bapa saling menyalahkan antara satu sama lain seperti yang dilakukan oleh Tekukur Jantan tatkala Kamil bertanya tentang punca pergaduhan tersebut. Tekukur Jantan dalam petikan digambarkan telah meletakkan kesalahan sepenuhnya ke atas pundak isterinya yang dianggap terlalu memanjakan anak mereka hingga menyebabkan anak tersebut berani bertindak biadap dengan tidak menghormati ibu bapa yang berada di rumah.

Sememangnya tindakan Tekukur Betina merupakan satu kesalahan kerana kebebasan yang diberikan tanpa batas akan menjerumuskan anak

remaja kepada perkara yang negatif. Namun begitu, soal pendidikan anak remaja merupakan perkara penting yang memerlukan komitmen bersama oleh Tekukur Betina dan pasangannya. Hal ini merupakan kritikan halus pengarang terhadap pendidikan akhlak remaja yang perlu dipantau bersama-sama oleh ibu bapa. Di samping itu, penonjolan peribadi mulia oleh ibu bapa sendiri akan menjadi pengaruh terbaik kepada anak-anak untuk diikuti. Sehubungan dengan itu, satira pasangan burung Tekukur yang mewakili golongan ibu bapa boleh sahaja mendidik anak remaja secara tegas namun berhemah. Hal ini bagi memberikan kesedaran dan didikan kepada anak remaja bahawa teguran oleh ibu bapa bukan bertujuan untuk melampiasikan perasaan marah, sebaliknya sebagai satu cara dalam mendidik anak remaja menjadi insan mulia.

Sementara itu, dalam novel *Hollow Kingdom* pula, pengarang didapati menggunakan satira watak manusia dan haiwan untuk menyampaikan kritikan tentang kelemahan kepimpinan di Amerika Syarikat. Pemimpin manusia dalam novel ini digambarkan telah gagal untuk menguruskan kebajikan kumpulan rakyatnya yang terdiri daripada golongan gelandangan. Golongan tersebut dikatakan pernah menyumbang jasa buat negara sebelum disisihkan setelah tidak lagi berdaya melakukan apa-apa pekerjaan. Gelandangan meneruskan kelangsungan hidup dengan menguis sampah yang dapat dijadikan makanan seperti yang digambarkan dalam petikan (Buxton, 2019:71):

Big Jim and I knew a lot of homeless MoFos from our various adventures together and we gave them dirty dollar bills and Fireball whiskey. Big Jim said they served their fucking country and in return got told they were trash, and they must have believed it because they were always ferreting through the dumpsters.

Kelemahan kepimpinan seperti yang digambarkan dalam petikan merupakan satira kepada kegagalan kepimpinan tertinggi Amerika Syarikat dalam mengagihkan kekayaan negara secara adil kepada semua rakyat. Hal ini kemudiannya menyumbang kepada peningkatan jumlah golongan gelandangan. Shit Turd mendakwa dirinya mengenali banyak golongan gelandangan di Seattle sepanjang pengalamannya menziarahi golongan tersebut bersama-sama Big Jim satu ketika dahulu. Shit Turd menjelaskan bahawa dalam ziarah tersebut, mereka telah memberikan wang kertas yang diperolehi secara haram dan arak kepada gelandangan. Secara tersirat, wang kertas dan minuman beralkohol tersebut merupakan

satira terhadap golongan gelandangan yang sanggup melakukan kegiatan jenayah demi mendapatkan wang secara mudah. Sementara itu, pemberian minuman beralkohol pula merupakan satira terhadap golongan gelandangan yang sering mabuk. Selain itu, gelaran “sampah” yang dilemparkan kepada golongan gelandangan merupakan satira kepada status mereka yang dianggap hina oleh masyarakat selain mereka sendiri secara fizikalnya sememangnya mengais sisa-sisa makanan dari dalam tong sampah untuk mendapatkan makanan. Seterusnya, golongan gelandangan dalam petikan berkemungkinan merupakan satira kepada golongan tentera veteran Amerika Syarikat yang diabaikan setelah tamat perkhidmatan atau mengalami kecederaan dan kecacatan dalam peperangan yang melibatkan Amerika Syarikat. Hal ini demikian kerana veteran tentera Amerika Syarikat merupakan populasi gelandangan terbesar di negara tersebut. Menurut Guina (2023), golongan gelandangan di Amerika Syarikat yang terdiri daripada golongan veteran tentera berjumlah 67 495 orang daripada jumlah keseluruhan gelandangan yang dianggarkan sebanyak 630 000 orang. Sehubungan dengan itu, penderitaan hidup golongan gelandangan yang dicerminkan menerusi kisah *Shit Turd* berkenaan merupakan kritikan terhadap kelemahan kepimpinan Amerika Syarikat yang perlu diatasi. Sumber manusia yang dimiliki sepatutnya digunakan sebagai aset penting untuk membangunkan dan memakmurkan lagi negara tersebut, bukan mensia-siakan segelintir rakyat seperti golongan gelandangan. Jasa mereka yang pernah berkhidmat buat negara sewajarnya diberikan penghargaan kerana sanggup mempertaruhkan nyawa untuk keselesaan bangsa Amerika pada hari kemudian.

Secara ringkas, satira watak pasangan Tekukur yang digambarkan berbalah dalam novel *Nabatah* akibat kejadian anak remaja mereka tidak pulang ke rumah merupakan satira kepada ibu bapa yang gagal dalam kepimpinan keluarga, iaitu tidak berkeupayaan mentarbiah anak remaja sehingga anak tersebut nekad melakukan tindakan lari dari rumah. Didikan terhadap anak remaja memerlukan pendekatan khusus dan penerapan nilai-nilai agama memandangkan pada usia tersebut, anak remaja cenderung terpengaruh dengan rakan sebaya yang membudayakan anasir negatif. Sebaliknya, kewujudan watak gelandangan dalam novel *Hollow Kingdom* merupakan satira kepada golongan rakyat yang pernah berbakti kepada negara Amerika, tetapi telah diabaikan oleh pemerintah sehingga mereka dianggap sebagai “sampah masyarakat” kerana hidup merempat.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, penerapan konsep satira sebagai metod dalam kajian ini telah dapat membantu proses kajian, iaitu mengenal pasti dan menganalisis isu kepincangan sosial yang disampaikan oleh pengarang dengan menggunakan satira haiwan dalam novel *Nabatah* dan *Hollow Kingdom*. Selain itu, didapati Mohd. Khairy dan Buxton masing-masing menerusi karya mereka telah mengemukakan kritikan terhadap isu kepincangan sosial yang sama, iaitu perbuatan memfitnah, diskriminasi, kegiatan jenayah dan kelemahan kepimpinan. Walau bagaimanapun, isu tersebut telah disampaikan dengan menggunakan satira haiwan yang berbeza. Perbezaan tersebut adalah kerana faktor latar belakang budaya dan tempat yang berbeza antara pengarang Malaysia dengan Amerika Syarikat. Hal inilah yang menyerlahkan kekreatifan pengarang dari kedua-dua buah negara dalam memanfaatkan satira haiwan sebagai medium perantara untuk menyampaikan sesuatu kritikan kepada masyarakat. Penggunaan satira haiwan ini sudah pasti lebih mudah diterima memandangkan kritikan tidak dilakukan secara langsung kepada sasaran namun masih dapat difahami dan dihayati oleh masyarakat. Akhir sekali, kajian terhadap cerita haiwan berbentuk satira ini perlu diperluas dan diangkat sebagai khazanah sastera berharga dalam sesebuah bangsa dan perbincangan berkenaannya akan lebih meriah sekiranya dilakukan secara perbandingan.

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pendanaan.

RUJUKAN

- Abur Hamdi Usman & Mohd Mahfuz Jaafar. (2019). Rasisme menurut pandangan Haji Abdul Malik Karim Amirullah (1908–1982). [Persidangan]. *Persidangan antarabangsa tokoh ulama Melayu Nusantara 2019*, 15–23. http://conference.kuis.edu.my/pantumn/images/eprosiding/005-PANTUMM2019_aburhamdi.pdf.
- Azlina Abdullah. (2012). Litetatur dan kajian tentang gender di Malaysia sejak 1980 hingga dekad 2000 an. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 5, 27–35. <https://journal.unisza.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/view/30>.
- Buxton, K. J. (2019). *Hollow Kingdom*. Penerbit Grand Central Publishing (GCP).

- Garrison, B. (2023). *Professional feature writing* (Edisikeenam). Routledge. https://books.google.com.my/books?id=EKi3EAAAQBAJ&printsec=frontcover&source=gbs_ge_summary_r&cad=0#v=onepage&q&f=false.
- Guina, R. (2023, 10 Mac). *Homeless veterans in America*. The Military Wallet. <https://themilitarywallet.com/homeless-veterans-in-america/>.
- Hafizatul Afaf Mohd. Nizam & Rohana Ny. (2023). Panduan pemilihan pemimpin berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. [Prosiding]. *Prosiding Konvensyen Kearifan Nusantara Ke-4 (ARIF 2023)*, 584–593. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/20759>.
- Halis Azhan Mohd. Hanafiah. (2013). Pembinaan negara dalam *Tikus Rahmat* dan Perlembagaan Persekutuan: Suatu kajian perbandingan. *Jurnal Melayu*, 11, 1–13. <https://core.ac.uk/download/pdf/33344165.pdf>.
- Ismail Yusoff. (2008). *Kesusasteraan Melayu lama dan baru*. Penerbit UUM.
- Jee Wan. (2019, 23 September). *Jee's author feature: Debut author Kira Jane Buxton on Hollow Kingdom and her inspiration behind it@kirajane writes#Hollow Kingdom*. Hooked on Bookz. <https://hookedonbookz.com/2019/09/23/jees-author-feature-debut-author-kira-jane-buxton-on-hollow-kingdom-and-her-inspiration-behind-it-kirajane-writes-hollowkingdom/>.
- Maryam Taib & Roslan Chin. (2022). Ketamakan manusia berkuasa dalam novel *Nabatah* karya Mohd. Khairy Haji Halimi. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 10(1), 73–86. <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/153/128>.
- Mohd. Khairy Haji Halimi. (2015). *Nabatah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Azlina Endut, Rosfazila Abd. Rahman & Rohaini Amin. (2023). Pengaruh budaya satira politik di media sosial terhadap masyarakat Malaysia. [Prosiding]. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali Ke-8 (PASAK8 2023)*, 1828–1834. http://conference.kuis.edu.my/pasak/images/pasak8/eprosiding2023/6/177PENGARUH_BUDAYA_SATIRA_1828-1834.pdf.
- Norledge, J. (2022). Experiencing dystopia through umwelt: Modelling nonhuman animal in *Hollow Kingdom*. *Taylor & Francis Online*, 103(3), 386–406. <https://www.tandfonline.com/doi/full/10.1080/0013838X.2022.2043003>.
- Norzuzilawati Sulaiman. (2020). Genre satira kritikan sopan yang menarik. *Jendela Selatan*, 49, 5–8. <https://online.fliphtml5.com/gxvqg/uxaz/#p=1>.
- Nurhasma Muhammad Saad, Kartina Kamaruzaman & Rosni Samah. (2009). *Fungsi cerita binatang dalam sastera kanak-kanak Melayu-Arab*. [Seminar]. Seminar Antarabangsa Bahasa dan Budaya: Membentuk dan Memupuk Masyarakat Global, 335–345. <https://www.ukm.my/solls09/Proceeding/PDF/nurhasma,%20kartina%20et%20al.pdf>.
- Nurin Atiyafi Romadhoni. (2014). *Animal symbols in Edgar Allan Poe's stories a tale of Ragged Mountain, The Black Cat, Tale-Tell Heart* [Latihan Ilmiah].

- The State Islamic University Maulana Malik Ibrahim Research Repository. <http://etheses.uin-malang.ac.id/8634/1/10320105.pdf>.
- Quan, C. W. K, Anita Harris Satkunanathan & Shahizah Ismail Hamdan. (2019). Sang Kancil as cultural artefact: A comparative neo-archetypal study. *Journal of Language Studies*, 19(4), 243–257. <https://ejournal.ukm.my/gema/article/view/33069/9993>.
- Raja Yusoff Ariffin. (2021, 10 Ogos). Manfaat dalam cerita binatang. *Dewan Sastera*. <https://dewansastera.jendeladbp.my/2021/08/10/1446/>.
- Roslina Abu Bakar & Aone van Engelenhoven. (2016). Alam dan budaya masyarakat Melayu dalam *Hikayat Pelanduk Jenaka*. *Jurnal Kesidang*, 1, 20–49. <http://unimel.edu.my/journal/index.php/JK/article/view/110/97>.
- S. Othman Kelantan. (2005). *Pemikiran satira dalam novel Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saifullah. (2010). Etos kerja dalam perspektif Islam. *Jurnal Sosial Humaniora*, 3(1), 54–69. https://www.researchgate.net/publication/316925641_ETOS_KERJA_DALAM_PERSPEKTIF_ISLAM.
- Smith, A. (2014). *The animal voices of Edgar Allan Poe* [Disertasi sarjana]. Memorial University of Newfoundland, Memorial University Research Repository. <https://research.library.mun.ca/8091/>.
- Yanuar Albertus, Ni Made Citra Kusuma Dewi, Bastiano Giveraldy Ginting, Anastasia Devina Hartono, Naomi Devi Larasati & Devira Adventia Primaristy. (2018). A fight for gender equality within the United States' government. *Jurnal Hubungan Internasional*, 11(1), 39–52. https://www.researchgate.net/publication/342559949_A_Fight_For_Gender_Equality_Within_The_United_States'_Government.